

## **AirAsia perkenal Redbox**



AirAsia Bhd (AirAsia) menjangka perkhidmatan penghantaran bungkusan pada kos murah, Redbox yang diperkenalkan semalam akan menyumbang pendapatan kira-kira RM30 juta kepada kumpulan tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Fernandes, berkata perkhidmatan itu diperkenalkan untuk menampung permintaan dalam pasaran penghantaran yang ketika ini lebih tertumpu kepada penghantaran korporat.

Katanya, Redbox dijangka tidak memberi sumbangan besar kepada pendapatan kumpulan dalam tempoh enam bulan pertama beroperasi, tetapi mula menjana perolehan kepada kumpulan selepas setahun.

“Kami melihat pasaran penghantaran bungkusan sangat besar dan masih banyak peluang yang belum diteroka sepenuhnya. Berdasarkan pasaran kurier semasa, tumpuan lebih diberikan kepada pasaran korporat.

“Justeru, kami mewujudkan Redbox untuk menampung dan menyediakan keperluan bagi pasaran yang lebih unik seperti penghantaran untuk individu dan perusahaan kecil dan sederhana (IKS),” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Redbox di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia X, Azran Osman Rani; Pengarah Urusan DMSBT Pte Ltd, Damien Santer; Ketua Serantau Kargo AirAsia, Sathis Manoharen dan Pengarah Urusan MBE Malaysia, Brian Chow.